

12/05/2002

Generasi muda Umno harus pastikan parti terus relevan

Jamhariah Jaafar

SHAH ALAM: Generasi muda Umno perlu berganding bahu bagi memastikan Umno terus relevan sebagai parti peneraju utama negara ini, di samping mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai negara yang boleh berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bangsa lain di dunia.

Itu adalah antara amanat penting yang disampaikan oleh Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika berucap kepada lebih 50,000 ahli Umno pada perhimpunan sempena menyambut Ulang Tahun Umno Ke-56 di Stadium Malawati, di sini, semalam.

Beliau berkata, apa yang mengecewakan ialah ramai generasi muda hari ini tidak sedar bahawa Ummolah yang menyelamatkan mereka daripada diperhambakan dan dijadikan puak minoriti di negara sendiri.

"Umno sekarang sudah memasuki usia 56 tahun, kalau dalam kerajaan bila kita sudah memasuki usia itu kita akan berpencen tapi tidak ada pencen untuk Umno.

"Selama 450 tahun tanpa Umno orang Melayu dijajah, tapi 44 tahun dengan Umno orang Melayu bukan saja tidak dijajah, ia merdeka dan juga menjadi contoh kepada bangsa lain.

"Justeru, saya berasa amat gembira melihat betapa ramainya muda mudi hadir dalam perhimpunan ini. Ini adalah parti yang diwarisi mereka. Yang tua akan diganti yang muda. Bila mereka pegang nanti kita harap mereka akan pegang kuat. Hari ini kita berdiri sama tinggi di kalangan bangsa lain di dunia. Saya harap generasi muda yang akan mengambil alih Umno ini akan menentukan kita terus berdiri tinggi di kalangan masyarakat dunia," katanya.

Dr Mahathir mengingat golongan muda Melayu perjuangan yang masih belum selesai dan tidak akan selesai, sebaliknya ia perlu diperkukuhkan sepanjang masa.

Katanya, dakwaan golongan yang bencikan Umno bahawa amat mudah untuk memerintah sebuah negara merdeka, sebenarnya memperlihatkan kecacatan ilmu yang mereka miliki.

"Mereka berkata, kalau kami kerajaan kami pun boleh buat. Ini adalah pemikiran yang cetek dan bodoh... katak di bawah tempurung. Ini adalah kerana tidak semua kerajaan dapat membangunkan sesebuah negara," katanya.

Beliau berkata, untuk membangunkan sesebuah negara setiap pemerintah perlu ada prinsip perjuangan dan kecekapan untuk menangani sebarang masalah.

Kerana kecekapan dan kewibawaan itu juga katanya, menyaksikan kerajaan Barisan Nasional yang diterajui Umno terus diberi mandat oleh rakyat walaupun di kala ia mengalami kemelut paling serius.

"Kita tidak nafikan kita juga mempunyai masalah tapi alhamdulillah kita lihat kerajaan Umno dapat menangani masalah dengan baik, dapat menenangkan negara ini dan dapat terus membangunkan negara ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, sebenarnya banyak pihak yang tidak yakin dengan kemampuan Umno untuk menjadi teraju utama Malaysia dan mereka terus memperlekehkan kewibawaan kepimpinan Melayu.

"Contohnya ketika berlaku rusuhan kaum pada 1969 di Kuala Lumpur... dunia berkata 'that is the end of Malaysia', kononnya tamat sejarah Malaysia dan Malaysia tidak mungkin dapat dibangunkan lagi.

"Tapi mereka tidak mengambil kira kebijaksanaan kerajaan pimpinan Umno yang dalam jangka masa pendek saja kita dapat selesaikan masalah perkuman di dalam negara kita.

"Bentuk dan pendekatan Umno ternyata mampu mengatasi perasaan perkauman yang tebal dan hanya ketika itu saja rusuhan kaum berlaku selepas itu tidak ada lagi rusuhan kaum hingga hari ini. Ini adalah kejayaan besar yang tidak dapat dilihat di mana-mana negara yang memiliki pelbagai kaum di dunia," katanya.

Perdana Menteri berkata, kestabilan, keamanan dan kesejahteraan yang dicapai Malaysia sekarang adalah hasil pemerintahan BN yang menyelesaikan masalah dengan bijak dan bertanggungjawab.

"Seperti kata orang tarik benang dalam tepung, benat terselamat tepung tidak berkecai. Itulah cara kita," katanya.

Pada sidang akhbar selepas perhimpunan itu, Perdana Menteri berkata yakin Pergerakan Pemuda Umno dan Puteri mampu untuk melakukan banyak perubahan di dalam parti.

Beliau turut meminta kedua-dua pergerakan itu memainkan peranan lebih agresif dalam memberi penerangan mengenai Umno dan hasil perjuangannya bagi menarik lebih ramai golongan muda untuk memilih parti itu.

"Saya yakin Umno akan terus memerintah negara ini apabila generasi muda ini mengambilalih kepimpinan kelak. Apa yang penting mereka mesti bersatu, berdisiplin dan tidak berebut jawatan. Insya-Allah Umno akan kekal sebagai parti pemerintah negara kita," katanya.

(END)